

ANALISIS LEKSIKAL BUDAYA DALAM *RIMBA HARAPAN* DAN
TERJEMAHANNYA *LA JUNGLE DE L'ESPOIR*.

NORAZIAH BINTI ABDUL AZIZ

DISERTASI INI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN.

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2014

ABSTRAK

Penterjemahan adalah satu bidang ilmu yang semakin berkembang. Penterjemahan karya sastera merupakan bidang yang penting sebagai penghubung antara dua budaya, untuk memperkenalkan budaya asing kepada pembaca yang mempunyai amalan budaya yang berbeza. Seiring dengan tujuan tersebut banyak karya sastera tempatan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis antaranya Salina, Ngayau, Hari-hari terakhir seorang seniman dan tidak terkecuali Rimba Harapan salah satu karya terkenal Keris Mas yang telah diterjemahkan sebagai *'La Jungle de l'Espoir'*. Bahasa Melayu dan bahasa Perancis sangat berbeza baik dari segi bahasa mahupun budaya. Sehubungan dengan itu objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti leksikal budaya dan menganalisis persamaan dan perbezaan leksikal budaya menggunakan analisis komponen makna. Seterusnya pengkaji juga mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi persamaan dan perbezaan leksikal budaya antara bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Hasil analisis komponen makna menunjukkan sememangnya wujud perbezaan antara leksikal budaya bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi persamaan dan perbezaan adalah selain daripada aspek kemahiran penterjemah itu sendiri, perbezaan dua budaya juga mewujudkan jurang leksikal. Dalam menangani masalah ini, peranan penterjemah amat penting dalam penterjemahan leksikal budaya.

Katakunci: Leksikal budaya, terjemahan, semantik, bahasa Perancis, bahasa Melayu



ABSTRACT

Translation is one of the knowledge areas that is widely evolving. Translation of literary works is essential as a link between two cultures; with the intention of introducing foreign culture to readers who different cultures. Aligned with this intention, numerous local literary works were translated into French, including Salina, *Ngayau*, and The Final Days of an Artist (*Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*) including Jungle of Hopes (*Rimba Harapan*) one of the Keris Mas' famous works translated as '*La Jungle de l'Espoir*'. Malay and French are remarkably dissimilar in terms of language and culture. In this regard, the objective of this study is to identify the cultural lexicon and analyse similarities and differences of cultural lexical using the componential analysis. Hence, the researcher also identifies factors that influence the cultural lexicon similarities and differences between French and Malay. The results for the componential analysis show differences between cultural lexicon of Malay and French. Apart from the skill aspects of translator themselves, the factors influencing similarities and differences include the differences between two cultures which create the the lexical gap as well. In addressing this problem, the role of the translator is vital in the translation of cultural lexicon.

Key words: Cultural lexicon, translation, semantics, French, Malay

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iiv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Kaedah Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Definisi Konsep	13
1.9.1 Budaya	14
1.9.2 Leksem, Leksis, Leksikal atau Leksikon ?	14
1.9.3 Leksikal Budaya	15
1.9.4 Terjemahan	16
1.9.5 Semantik dan komponen semantik	16
1.10 Latar Belakang Budaya Melayu-Perancis	17
1.11 Kesimpulan	18
BAB 2: SOROTAN KAJIAN BERKAITAN	19
2.0 Pendahuluan	19
2.1 Budaya	19
2.1.1 Unsur budaya dan terjemahan	22
2.1.2 Kajian dalam dan luar negara berkaitan unsur budaya dalam terjemahan.	25
2.2 Semantik	31

2.3 Pendekatan terjemahan dalam memaknakan leksikal budaya	35
2.4 Teori Analisis Komponen Makna	38
2.4.1 Analisis komponen mengikut Katz dan Fodor	41
2.4.2 Analisis komponen makna mengikut Palmer	42
2.4.3 Analisis komponen makna mengikut Ruth Kempson	43
2.4.4 Analisis komponen makna menurut Geoffrey Leech	45
2.4.5 Teori analisis komponen makna menurut Nida	46
2.4.6 Analisis Komponen Makna menurut Lyons	51
2.4.7 Analisis komponen makna dalam penterjemahan	53
2.5 Aplikasi Analisis Komponen Makna dalam Kajian Lepas	54
2.6 Kajian lepas berkaitan dengan Rimba Harapan	59
2.7 Pertalian kajian lepas dan permasalahan kajian	61
2.8 Kesimpulan	62
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	64
3.0 Pendahuluan	64
3.1 Persampelan Data	64
3.1.1 Latar belakang sampel kajian	65
3.1.2 Sinopsis Novel Rimba Harapan	65
3.1.3 <i>La Jungle de l'Espoir</i>	66
3.1.4 Latar Belakang Penulis	66
3.1.5 Latar Belakang Penterjemah	68
3.2 Instrumen Kajian	68
3.2.1 Bahagian semakan	69
3.3 Prosedur Kajian	69
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	70
3.3.2 Pengumpulan Data	70
3.3.3 Kerangka Konseptual Kajian	70
3.4 Kesimpulan	83
BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	84
4.0 Pendahuluan	84

4.1	Dapatan kajian secara keseluruhan	85
4.1.1	Kategori leksikal yang berunsurkan budaya dalam Rimba Harapan dan <i>La Jungle de l'Espoir</i> .	85
4.2	Klasifikasi leksikal budaya dalam Rimba Harapan	88
4.2.1	Ekologi	88
4.2.2	Material	92
4.2.3	Budaya sosial	93
4.2.4	Budaya Organisasi, Konsep, kepercayaan, agama, adat resam dan kesenian .	97
4.2.5	Gerak laku dan tabiat	100
4.3	Faktor ketakterjemahan leksikal budaya	101
4.4	Analisis komponen makna leksikal budaya.	103
4.4.1	Kategori ekologi	103
4.4.2	Kategori Sosial	116
4.4.3	Budaya material / bahan budaya	127
4.4.4	Budaya Organisasi, konsep, kepercayaan adat resam dan nilai kesenian	147
4.4.5	Gerak geri dan Kebiasaan	159
4.5	Pendekatan terjemahan dan makna	163
4.5.1	Pengekalan aspek semantik bahasa sumber	164
4.5.2	Kesepadanan budaya dalam teks sasaran	166
4.5.3	Aspek Kehilangan makna	168
BAB 5:	PERBINCANGAN DAPATAN DAN KESIMPULAN	170
5.0	Pendahuluan	170
5.1	Perbincangan Dapatan	170
5.2	Rumusan Keseluruhan	181
5.2.1	Rumusan dari sudut strategi terjemahan	182
5.2.2	Rumusan dari sudut semantik:	183
5.3	Implikasi Kajian	185
5.3.1	Penterjemahan	185
5.3.2	Bidang Semantik	187
5.4	Batasan Kajian	187

5.5 Cadangan Kajian Akan Datang	188
5.6 Penutup	188
BIBLIOGRAFI	189
LAMPIRAN 1	198
LAMPIRAN 2	227



SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Segitiga Semiotik	35
Rajah 2.2	Aspek kehilangan makna	38
Rajah 2.3	Rajah Pohon AKM Katz dan Fodor	42
Rajah 2.4	Model perhubungan menular AKM Nida	47
Rajah 2.5	Rajah perhubungan bertindih	48
Rajah 2.6	Rajah perhubungan terkandung	49
Rajah 2.7	Perhubungan salingan	50
Rajah 3.1	Kategori budaya Newmark	71
Rajah 3.2	Kerangka teoretikal kajian	75
Rajah 3.3	Kategori budaya sosial	77
Rajah 3.4	Carta alir prosedur kajian	82
Rajah 4.1	Kategori budaya sosial	96
Rajah 4.2	Terjemahan hiponim tumbuh-tumbuhan	115
Rajah 4.3	Cabang ibadat	161
Rajah 5.1	Cabang ekologi	184
Rajah 5.2	Terjemahan cabang ekologi	184

SENARAI CARTA

Carta 4.1	Peratus leksikal budaya mengikut kategori	87
Carta 4.2	Leksikal budaya kategori ekologi	89
Carta 4.3	Kategori budaya material	92
Carta 4.4	Kategori budaya sosial	94
Carta 4.5	Kategori organisasi, konsep, kepercayaan, adat dan kesenian	98

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Contoh Analisis Komponen Makna leksem bujang dan gadis	51
Jadual 2.2	Contoh Analisis Komponen Makna kerbau, lembu dan kuda	52
Jadual 2.3	Analisis Komponen Makna menurut Newmark	54
Jadual 3.1	Contoh jadual kategori data dan terjemahan	78
Jadual 3.2	Makna denotasi leksikal budaya	80
Jadual 4.1	Jumlah leksikal budaya mengikut kategori	86
Jadual 4.2	Analisis Data 1 dan 2	105
Jadual 4.3	Analisis Data 3	106
Jadual 4.4	Analisis Data 4, 5 dan 6	108
Jadual 4.5	Analisis Data 7	110
Jadual 4.6	Analisis Data 8	111
Jadual 4.7	Analisis Data 9	112
Jadual 4.8	Analisis Data 10	113

Jadual 4.9	Analisis Data 11	117
Jadual 4.10	Analisis Data 12	118
Jadual 4.11	Analisis Data 13	119
Jadual 4.12	Analisis Data 14	120
Jadual 4.13	Analisis Data 15	122
Jadual 4.14	Analisis Data 16	123
Jadual 4.15	Analisis Data 17	124
Jadual 4.16	Analisis Data 18	125
Jadual 4.17	Analisis Data 19	128
Jadual 4.18	Analisis Data 20	129
Jadual 4.19	Analisis Data 21	130
Jadual 4.20	Analisis Data 22	131
Jadual 4.21	Analisis Data 23	132
Jadual 4.22	Analisis Data 24	133
Jadual 4.23	Analisis Data 25	134
Jadual 4.24	Analisis Data 26	135
Jadual 4.25	Analisis Data 27	136
Jadual 4.26	Analisis Data 28	137
Jadual 4.27	Analisis Data 29	138
Jadual 4.28	Analisis Data 30	140
Jadual 4.29	Analisis Data 31	141
Jadual 4.30	Analisis Data 32	142
Jadual 4.31	Analisis Data 33	143
Jadual 4.32	Analisis Data 34	145

Jadual 4.9	Analisis Data 11	117
Jadual 4.10	Analisis Data 12	118
Jadual 4.11	Analisis Data 13	119
Jadual 4.12	Analisis Data 14	120
Jadual 4.13	Analisis Data 15	122
Jadual 4.14	Analisis Data 16	123
Jadual 4.15	Analisis Data 17	124
Jadual 4.16	Analisis Data 18	125
Jadual 4.17	Analisis Data 19	128
Jadual 4.18	Analisis Data 20	129
Jadual 4.19	Analisis Data 21	130
Jadual 4.20	Analisis Data 22	131
Jadual 4.21	Analisis Data 23	132
Jadual 4.22	Analisis Data 24	133
Jadual 4.23	Analisis Data 25	134
Jadual 4.24	Analisis Data 26	135
Jadual 4.25	Analisis Data 27	136
Jadual 4.26	Analisis Data 28	137
Jadual 4.27	Analisis Data 29	138
Jadual 4.28	Analisis Data 30	140
Jadual 4.29	Analisis Data 31	141
Jadual 4.30	Analisis Data 32	142
Jadual 4.31	Analisis Data 33	143
Jadual 4.32	Analisis Data 34	145

Jadual 4.33	Analisis Data 35	146
Jadual 4.34	Analisis Data 36	148
Jadual 4.35	Analisis Data 37	149
Jadual 4.36	Analisis Data 38	150
Jadual 4.37	Analisis Data 39	151
Jadual 4.38	Analisis Data 40	152
Jadual 4.39	Analisis Data 41	153
Jadual 4.40	Analisis Data 42	154
Jadual 4.41	Analisis Data 43	155
Jadual 4.42	Analisis Data 44	157
Jadual 4.43	Analisis Data 45	158
Jadual 4.44	Analisis Data 46	159
Jadual 4.45	Analisis Data 47	160
Jadual 4.46	Analisis Data 48	162
Jadual 4.47	Analisis Data 49	163
Jadual 5.1	Kategori persamaan dan perbezaan leksikal budaya BP dan BM.	175

Jadual 4.33	Analisis Data 35	146
Jadual 4.34	Analisis Data 36	148
Jadual 4.35	Analisis Data 37	149
Jadual 4.36	Analisis Data 38	150
Jadual 4.37	Analisis Data 39	151
Jadual 4.38	Analisis Data 40	152
Jadual 4.39	Analisis Data 41	153
Jadual 4.40	Analisis Data 42	154
Jadual 4.41	Analisis Data 43	155
Jadual 4.42	Analisis Data 44	157
Jadual 4.43	Analisis Data 45	158
Jadual 4.44	Analisis Data 46	159
Jadual 4.45	Analisis Data 47	160
Jadual 4.46	Analisis Data 48	162
Jadual 4.47	Analisis Data 49	163
Jadual 5.1	Kategori persamaan dan perbezaan leksikal budaya BP dan BM.	175

SINGKATAN DAN SIMBOL

- BM bahasa Melayu
- BP bahasa Perancis
- KD Kamus Dewan
- LPR *Le Petit Robert*
- RH Rimba Harapan
- LJDL *La Jungle de l'Espoir*
- AKM Analisis Komponen Makna
- + fitur terdapat dalam leksikal
- fitur tiada dalam leksikal
- +/- fitur ada atau tiada dalam leksikal

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang melibatkan pengalihan maklumat daripada satu bahasa ke bahasa yang berlainan (bahasa sumber dan sasaran), walaupun ia dihasilkan dari satu bahasa yang berbeza namun membawa makna yang sama dalam bahasa yang lain. Catford (1965:20) mendefinisikan terjemahan sebagai “*The replacement of textual material in one language by equivalent textual material in another language*”. Proses penterjemahan kebiasaannya melibatkan dua bahasa iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran. Bagi menyampaikan maksud teks sumber dengan baik, penterjemahan seharusnya menggunakan kosa kata yang sesuai dalam bahasa sasaran tanpa mengetepikan makna yang terdapat dalam teks sumber. Proses ini selalunya mempunyai hubungan kesalingan. Selain itu, dalam menterjemahkan sesuatu karya asing, penterjemah perlu mengambilkira perbezaan lingkungan budaya, persekitaran dan geografi antara kedua bahasa. Hal ini akan mewujudkan keadaan iaitu kedua-dua bahasa itu mempunyai kosa kata yang mempunyai padanan ataupun tiada padanan terjemah dalam bahasa sasaran. Seperti yang dikatakan oleh Dubois *et al.* (1973) dalam Roger T.Bell (2012: 5),

‘Traduire c’est énoncer dans une autre langage (ou langue cible) ce qui a été énoncé dans une autre langue source, en conservant les équivalences sémantique et stylistiques.’

“Terjemahan adalah pernyataan dalam satu bahasa lain (bahasa sasaran) apa yang telah dinyatakan dalam sesuatu bahasa, bahasa sumber, dengan

mengekalikan kesamaan semantik dan stilistik”. (Terjemahan Zubaidah Ibrahim Bell & Syed Nurul Akla Syed Abdullah, 2012)

Daripada definisi yang diberikan oleh Dubois dalam Bell (2012), pengkaji merumuskan bahawa dalam penterjemahan selain daripada mengekalikan kesepadanan dari aspek semantik penterjemah juga harus mengambil kira kesamaan stilistik antara bahasa sumber dan sasaran.

Penterjemahan dalam era globalisasi ini telah menjadi salah satu bidang yang penting untuk menyalurkan pengetahuan kepada semua golongan dan juga segenap lapisan masyarakat. Melalui penterjemahan ilmu daripada satu sumber bahasa lain dapat disampaikan dan disebarkan ke satu golongan masyarakat lain yang tidak memahami bahasa tersebut. Aktiviti ini penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana melalui aktiviti ini masyarakat dapat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2007). Oleh itu, segala ilmu dari bahasa lain dapat diimport dan hal ini membolehkan kita menyaingi koleksi ilmu yang ada pada bangsa maju. Kepelbagaian bahasa dan budaya yang wujud di dunia ini mewujudkan jurang komunikasi dan batasan berbahasa. Walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa, namun tidak bermakna kebanyakan ilmu dan karya terkini dihasilkan dalam bahasa ini. Sehubungan dengan itu, dalam dunia tanpa sempadan ini, terjemahan menjadi satu aktiviti yang sangat penting kerana tidak ada manusia yang boleh menguasai semua bahasa di dunia. Oleh itu, penterjemahan amat penting supaya sesuatu ilmu dan idea baharu dapat disebarkan .

Penterjemahan bukan sahaja berfungsi menyampaikan maksud teks sumber kepada teks sasaran malah turut membawa masuk elemen budaya dan juga aspek semantik dari karya sumber. Namun hal ini bergantung kepada pendekatan terjemahan yang diaplikasi oleh penterjemah. Kepentingan bidang penterjemahan sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi kerana bidang penterjemahan pada masa kini merupakan

kurun ke-15 hingga kurun ke-19. Terjemahan semantik akan mengekalkan aspek semantik dalam bahasa sumber, selain itu kepanjangan ayat dan kedudukan kata juga dikekalkan. Pendekatan penterjemahan komunikatif pula lebih mementingkan kesan pada pembaca bahasa sasaran iaitu supaya pembaca dapat merasai kesan sama seperti pembaca teks asal. Teks yang dihasilkan menggunakan pendekatan ini lebih mudah dibaca. Aktiviti penterjemahan melibatkan pemindahan maklumat atau warta daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Pemindahan warta ini melibatkan ilmu semantik dan penterjemahan. (Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jantan, 2009). Penterjemahan dan ilmu pengkajian makna dikatakan sangat berkait rapat. Bagi menghasilkan karya terjemahan yang benar-benar bermutu serta mampu menyampaikan maklumat yang berkesan kepada pembaca sasaran, kedua-dua teori ini perlu digabungkan (Puteri Roslina, 2007). Selain mengkaji fenomena makna bahasa (Abdullah Hassan, 2005) semantik merupakan ilmu yang mengkaji makna dalam perkataan, frasa, klausa, ayat serta ujaran dalam bahasa. Newmark (1988) mengatakan bahawa teori terjemahan diperoleh daripada bidang linguistik komparatif yang menekankan bidang semantik dan istilah semantik bermaksud 'isyarat' dalam bahasa Yunani kuno. Dewasa ini, ilmu semantik merupakan salah satu komponen yang bukan sahaja penting dalam bahasa tetapi turut penting dalam bidang-bidang lain seperti falsafah, psikologi dan antropologi (Nathesan, 1997).

Merujuk kepada bidang semantik ataupun makna bahasa, ia dapat dilihat melalui segenap sistem tanda atau lambang (Robin, 1997). Dalam bidang linguistik, semantik ialah bidang kajian yang mengkaji makna bahasa. Selain istilah semantik, dalam ilmu linguistik terdapat beberapa istilah lain yang digunakan seperti semiotik, semiologi dan semasiologi. Namun istilah semantik lebih digunakan kerana istilah ini berkenaan dengan bahasa yang berfungsi sebagai alat komunikasi verbal. Semantik bukan sahaja bidang yang mengkaji makna sesuatu tetapi turut mengkaji bagaimana untuk

menerangkan makna sesuatu. Semantik juga adalah salah satu cabang linguistik yang mengkaji hubungan ujaran linguistik yang berbeza-beza seperti homonim, sinonim, antonim, polisemi, hipernim dan hiponim. Kajian terhadap peranan semantik, makna dan rujukan, syarat benar dan analisis wacana adalah sebahagian daripada kajian semantik. Dalam perkembangan ilmu semantik, terdapat beberapa tahap perkembangan. Tahap permulaan ilmu semantik ialah semantik falsafah, manakala tahap yang kedua ialah semantik linguistik. Semantik merupakan penghubung antara disiplin linguistik dan falsafah.

Peranan bahasa amat penting kerana ianya merupakan sistem simbol lisan yang arbitrari yang dihasilkan oleh alat ucap manusia yang digunakan oleh masyarakat untuk berkomunikasi. Bahasa juga dapat menunjukkan identiti diri masyarakat tersebut. Menurut Edward Sapir (1884-1939) dan Benjamin Lee Whorf (1897-1941), bahasa mengongkong pemikiran seseorang; yakni bahasa seseorang itu mencorakkan pengamatan terhadap pandangan dunia seseorang (*weltanschauung*). Bahasa yang berbeza menggambarkan dunia yang berlainan. Oleh itu tidak ada dua bahasa yang sepadan, yang dapat menggambarkan satu pandangan dunia (*weltanschauung*) yang sama. Sehubungan dengan itu, dalam terjemahan, analisis makna atau analisis semantik merupakan kaedah yang dilakukan untuk menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya dengan makna yang terdapat dalam teks sumber (Norizah Ardi *et al.*, 2009).

Penggunaan dan pemilihan perkataan dalam masyarakat juga berbeza. Contohnya bagi kata ganti nama. Dalam bahasa Melayu penggunaan kata ganti nama menunjukkan perbezaan hubungan sosial. Contohnya, engkau/kau hanya boleh digunakan dalam kalangan adik beradik atau sahabat yang hubungan yang rapat. Manakala awak/anda digunakan dalam hubungan biasa atau hubungan yang agak rasmi. Dalam budaya Melayu terdapat juga rujukan atau kata ganti nama yang merujuk kepada golongan raja iaitu 'Tuanku'. Rujukan ini digunakan oleh orang biasa untuk

merendah diri. Rakyat biasa dilarang menggunakan kata ganti diri ini. Dalam bahasa Perancis terdapat juga penggunaan kata panggilan formal dan tidak formal contohnya “*Tu*” bagi kegunaan tidak formal dan “*vous*” bagi situasi formal. Kata panggilan *monsieur*, *madame*, dan *mademoiselle* digunakan bagi situasi yang formal terutama apabila bercakap dengan orang yang lebih tua atau dihormati.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam penterjemahan dua pendekatan yang biasa digunakan oleh penterjemah adalah penekanan terhadap kandungan bahasa sumber dan yang kedua penekanan yang diberikan kepada budaya dalam bahasa sasaran (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2009:91).

Terdapat pelbagai teori mengenai bahasa dan budaya. Hubungan antara bahasa dan budaya sangat rapat. Ada pendapat yang mengatakan bahasa menjadi sebahagian daripada budaya manakala pendapat lain pula mengatakan bahawa bahasa dan budaya adalah dua perkara yang berbeza tetapi mempunyai hubungan yang erat (Abdul Chaer & Leonie Agustina, 1995). Seperti yang dikatakan oleh Vermeer (1987) bahasa dan budaya saling berkaitan dan bahasa merupakan sebahagian daripada budaya.

Manakala Lefevere (1992) (dalam Puteri Roslina, 2007) menyatakan penterjemahan sebagai akulturasi iaitu penyerapan unsur-unsur budaya daripada satu budaya kepada budaya yang lain. Proses penterjemahan dilihat sebagai tolak ansur antara budaya. Budaya juga adalah satu sistem yang kompleks (Steiner, 1984) dan cara hidup masyarakat merangkumi kepercayaan, batasan, nilai dan misi hidup anggota masyarakat (Herskovits, 1970) dalam Nur Hafeza dan Goh Sang Seong (2012).

Menurut Mansoer Pateda (2001) penelitian terhadap suatu bahasa merupakan domain yang sangat luas. Semantik merupakan salah satu daripada sub disiplin dalam

meneliti makna. Bidang semantik sangat luas dan mencakupi semua peringkat bahasa, baik peringkat kata, frasa, klausa, ayat, mahupun wacana. Mansoer Pateda (2001) menyebut lagi bahawa dalam meneliti makna bahasa beberapa persoalan perlu diajukan. Apa yang dimaksudkan dengan makna? Bagaimanakah makna wujud? Apakah jenis makna? Apakah komponen makna? Adakah makna berubah? Apakah yang menyebabkan perubahan makna? Adakah hanya terdapat satu makna? Semua persoalan dapat dijawab melalui disiplin ilmu yang disebut sebagai semantik.

Sejak akhir-akhir ini banyak kajian baik dalam bidang semantik mahupun terjemahan sering mengambil data cerpen dan novel untuk dijadikan data kajian. Contohnya Norsimah Mat Awal (2003) yang telah menggunakan karya antologi Shahnnon Ahmad yang diterjemahkan oleh Harry Aveling. Suziana (2005) pula menggunakan novel Salina, karya A. Samad Said untuk melihat terjemahan metafora bahasa Perancis yang digunakan oleh penterjemah sama ada sesuai berdasarkan makna dan budaya penutur sasaran. Sehubungan dengan itu, banyak kajian linguistik yang khususnya dari kacamata semantik mengambil karya sastera sebagai data dan asas untuk mengukuhkan analisis mereka. Bahasa sastera dan juga penulisan ilmiah sangat berbeza dan tidak semua arif tentang bahasa dalam karya sastera sama ada tulisan ataupun pertuturan. Menurut Hippolyte Taine (1863) dalam tulisan Abdul Rahim Abdullah, (2001: 189) teks sastera mestilah di anggap sebagai pernyataan tentang psikologi seseorang individu dan seterusnya merupakan pernyataan tentang suasana, persekitaran dan tempoh (*la race, le milieu et le moment*). Hal ini menunjukkan bahawa sastera menggambarkan identiti sesuatu bangsa.

Apabila dikaitkan dengan karya sastera dan terjemahan, karya sastera Malaysia kini telah berada di persada antarabangsa. Hal ini telah dibuktikan dengan adanya kerjasama antara Malaysia-Perancis seperti yang dilaporkan oleh utusan Malaysia bertarikh 31/10/2011 iaitu usahasama antara ITNM dan juga penerbit Perancis *Les*

Indes Savantes. Antara misi usahasama ini adalah untuk menembusi pasaran Perancis dengan membawa masuk karya-karya dari Sasterawan Negara ke negara tersebut bermula dengan Rimba Harapan (Keris Mas), Hari-hari Terakhir Seorang Seniman (Anwar Ridhwan) dan Hujan Pagi (A. Samad Said). Kerjasama ini salah satu dari peluang untuk memartabatkan karya sastera tempatan memperkenalkan identiti budaya Malaysia di peringkat antarabangsa.

Rakyat Perancis dikatakan bangsa yang celik ilmu dan sentiasa ghairah untuk berbicara atau berdebat hal ehwal yang berkaitan dengan bahasa dan penulisan. Semua ini merupakan kesan jangka masa lama sejak tiga abad yang lalu yang masih lagi berbekas sehingga kini. Melihat kepada kebitaraan bidang kesusasteraan dan penerbitan mereka, ITNM menjadikan Perancis sebagai antara lokasi awal untuk mengantarabangsakan karya Malaysia.

Mengikut Sejarah penterjemahan karya bahasa Melayu ke bahasa Perancis dipercayai bahawa Hikayat Raja Pasai adalah buku pertama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis pada tahun 1874 di Sumatra. *Histoire des Rois de Pasey* diterjemahkan oleh Aristide Marre iaitu seorang pensyarah bahasa Melayu di Sekolah Tinggi Bahasa-bahasa Timur di Paris. (Zaini-Lajoubert, 2008). Ini menunjukkan bahawa dalam sejarah penterjemahan sastera bahasa Melayu-bahasa Perancis telah wujud lebih 2 abad yang lalu.

1.3 Pernyataan Masalah

Setiap bahasa mempunyai budaya yang berbeza. Bahasa dan budaya juga dikatakan berkait rapat dan saling berhubungan. Dalam proses penterjemahan seseorang penterjemah akan sedaya upaya menterjemah teks sumber bersesuaian dengan budaya pembaca sasaran. Aktiviti penterjemahan kebiasaannya merujuk kepada penukaran

perkataan dalam bahasa sasaran supaya menyamai makna perkataan dalam bahasa sumber. Dalam menterjemah sesuatu karya, tugas penterjemah adalah memahami budaya teks sumber tanpa mengabaikan makna daripada teks asal dalam bahasa sumber kepada teks terjemahan. Seseorang penterjemah yang baik harus pandai memanipulasi bahasa supaya tidak terpengaruh dengan teks asal. Masalah yang paling rumit dan kompleks dalam penterjemahan adalah penyesuaian budaya. Pertama, masalah ini disebabkan ketiadaan kosa kata dalam bahasa sasaran. Kedua, penterjemah harus mengubah dan menyesuaikan semula dengan konteks bahasa sasaran tanpa mengubah makna dari teks sumber. Oleh itu “makna” merupakan hubungan asas antara budaya dengan bahasa dan menjadi elemen yang penting dalam penterjemahan. Justeru itu penterjemahan bukan merupakan proses linguistik malah juga merupakan satu penglibatan budaya.

Dalam penterjemahan masalah tidak timbul jika melibatkan bahasa dan budaya yang agak rapat contohnya bahasa Melayu, Indonesia dan Brunei walaupun ada sesetengah kosa kata yang berbeza namun masih boleh difahami. Namun jika melibatkan dua bahasa dan budaya yang berbeza contohnya bahasa Cina dan Inggeris yang mana kedua-dua bahasa lahir dari rumpun yang berbeza dan sudah pasti budayanya juga berbeza. Kajian ini menggabungkan teori daripada bidang semantik dan juga terjemahan. Dalam mencari padanan kata di dalam bahasa Perancis dan juga bahasa Melayu agak sukar kerana perbezaan bidang semantik (*semantic fields*) dan makna konseptual (Mona Baker, 1992). Masalah ini disebabkan oleh pandangan dunia atau *weltanschauung* yang berbeza antara bahasa sumber dan juga bahasa sasaran.

Ilmu semantik penting bagi menjelaskan aspek leksikal budaya dan konsep orang Melayu dan juga Perancis dalam karya terjemahan. Penterjemahan dan budaya sangat berhubungkait, lebih-lebih lagi apabila melibatkan satu karya yang asing dengan budaya pembaca sasaran. Hal ini kerana penterjemahan bukan sekadar proses

perkataan dalam bahasa sasaran supaya menyamai makna perkataan dalam bahasa sumber. Dalam menterjemah sesuatu karya, tugas penterjemah adalah memahami budaya teks sumber tanpa mengabaikan makna daripada teks asal dalam bahasa sumber kepada teks terjemahan. Seseorang penterjemah yang baik harus pandai memanipulasi bahasa supaya tidak terpengaruh dengan teks asal. Masalah yang paling rumit dan kompleks dalam penterjemahan adalah penyesuaian budaya. Pertama, masalah ini disebabkan ketiadaan kosa kata dalam bahasa sasaran. Kedua, penterjemah harus mengubah dan menyesuaikan semula dengan konteks bahasa sasaran tanpa mengubah makna dari teks sumber. Oleh itu “makna” merupakan hubungan asas antara budaya dengan bahasa dan menjadi elemen yang penting dalam penterjemahan. Justeru itu penterjemahan bukan merupakan proses linguistik malah juga merupakan satu penglibatan budaya.

Dalam penterjemahan masalah tidak timbul jika melibatkan bahasa dan budaya yang agak rapat contohnya bahasa Melayu, Indonesia dan Brunei walaupun ada sesetengah kosa kata yang berbeza namun masih boleh difahami. Namun jika melibatkan dua bahasa dan budaya yang berbeza contohnya bahasa Cina dan Inggeris yang mana kedua-dua bahasa lahir dari rumpun yang berbeza dan sudah pasti budayanya juga berbeza. Kajian ini menggabungkan teori daripada bidang semantik dan juga terjemahan. Dalam mencari padanan kata di dalam bahasa Perancis dan juga bahasa Melayu agak sukar kerana perbezaan bidang semantik (*semantic fields*) dan makna konseptual (Mona Baker, 1992). Masalah ini disebabkan oleh pandangan dunia atau *weltanschauung* yang berbeza antara bahasa sumber dan juga bahasa sasaran.

Ilmu semantik penting bagi menjelaskan aspek leksikal budaya dan konsep orang Melayu dan juga Perancis dalam karya terjemahan. Penterjemahan dan budaya sangat berhubungkait. lebih-lebih lagi apabila melibatkan satu karya yang asing dengan budaya pembaca sasaran. Hal ini kerana penterjemahan bukan sekadar proses